

Erti di sebalik kemenangan Tharman

Politik Singapura adalah domain yang menarik dan agak boleh diramal. Dalam kes kemenangan Encik Tharman dalam Pilihan Raya Presiden pada 1 September 2023, ia bukanlah satu kejutan.

Apabila beliau mengisytiharkan hasratnya untuk bertanding jawatan presiden pada 8 Jun 2023, berikutan keputusan Presiden Halimah Yacob untuk berundur pada penghujung penggalannya, ia menjadi jelas bahawa persoalannya bukanlah sama ada Encik Tharman akan menang, tetapi dengan margin apa.

Margin ini akan mencerminkan penilaian pengundi; penilaian keupayaan tiga peserta dan persepsi mereka terhadap hal ehwal negara di bawah parti pemerintah.

Berbeza dengan pilihan raya umum, di mana calon memperoleh kemenangan tipis dalam Kawasan Undi Perseorangan (SMC) atau Kawasan Perwakilan Kumpulan (GRC), pilihan raya presiden (PE) ini adalah pertandingan kebangsaan, di mana setiap warganegara yang layak mengundi untuk memilih seorang penyandang jawatan.

Ini membuka persaingan terhadap pertimbangan merit, kepakaran serta faktor seperti kaum, agama, kelas sosial, dan sentimen anti-pemerintah.

Calon presiden mesti mengambil kira pengaruh ini, kedua-duanya positif dan negatif, dan cabaran untuk memenangi lawan yang berakar umbi atas faktor-faktor seperti bangsa, agama dan ideologi.

Akibatnya, hasil pilihan raya presiden ini selalunya dicirikan dengan kemungkinan dan ketidakpastian.

Jadi, apakah yang membawa kepada kemenangan besar Encik Tharman dengan 70.4 peratus daripada jumlah undian?

PE 2023 bukan hanya mengenai tiga calon – Encik Tharman, Encik Ng Kok Song dan Encik Tan Kin Lian – tetapi juga kira-kira 2.7 juta pengundi.

Sejak wabak Covid-19 di Singapura pada

PANDANGAN



PROFESOR MADYA BILVEER SINGH

tahun 2020, landskap politik telah berkembang dengan semakin ramai pengundi menuntut dan mengkritik golongan elit pemerintah, sering menyatakan sentimen anti-PAP melalui undian mereka.

Kejayaan Encik Tharman boleh dikaitkan dengan tiga faktor utama. Pertama, rekod prestasinya sebagai ahli politik pilihan yang paling berjaya dalam pilihan raya baru-baru ini.

Beliau secara konsisten memperoleh peratusan undi yang tinggi, termasuk kemenangan 74.6 peratus di GRC Jurong dalam pilihan raya umum 2020, 79.2 peratus pada 2015 dan 76.5 peratus pada 2011.

Pengalaman beliau yang meluas, memegang jawatan penting dalam pemerintahan seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Dasar Sosial, mengukuhkan lagi keupayaannya.

Lebih-lebih lagi, penglibatan beliau dalam institusi seperti MAS, GIC dan Temasek Holdings membuktikan kehebatan kepimpinannya.

Selama bertahun-tahun, Encik Tharman juga telah meletakkan dirinya sebagai pejuang rakyat Singapura yang kurang bernasib

baik dan berpendapatan rendah, menyokong dasar-dasar yang berorientasikan kebajikan dalam penjagaan kesihatan dan bantuan kewangan.

Pertubuhan bukan mencari untung yang diasaskannya, Tasek Jurong, pada 2014, terus membuktikan komitmen beliau untuk memperbaiki hidup masyarakat.

Keperibadian, kecerdasan, karisma dan kemahiran berpidato Encik Tharman menjadikannya seorang tokoh yang dihormati di kalangan penggemar dan juga pengkritiknya.

Beliau secara meluas dilihat sebagai seseorang yang mudah didekati, pendengar yang baik, boleh dipercayai, dan benar-benar melindungi orang ramai.

Kedua, pencalonan Encik Tharman untuk EP memberikan kehadiran yang stabil ketika PAP yang memerintah menghadapi pelbagai krisis, termasuk cabaran ekonomi berikutan ketegangan perdagangan Amerika Syarikat-China, yang diburukkan lagi oleh pandemik Covid-19 dan Perang Ukraine.

Krisis penggantian pucuk pimpinan Singapura yang berterusan dengan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, dijangka melaksanakan peralihan kuasa, ditambah pula dengan peletakan jawatan pengunduran bakal Perdana Menteri yang sebut-sebut, Encik Heng Swee Keat dan kemunculan bakal pengganti baru, Encik Lawrence Wong, telah mewujudkan ketidaktentuan politik yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Skandal yang melibatkan pemimpin kanan PAP, yang muncul sebelum pilihan raya presiden, hanya memburukkan lagi keadaan.

Ketiga, reputasi dan kepakaran antarabangsa Encik Tharman, bermula dengan peranannya sebagai mantan menteri pendidikan dan kewangan, menjadikannya aset berharga bagi Singapura pada peringkat global.

Penglibatan beliau dalam sektor perniagaan, kewangan dan teknologi menguatkan lagi pengaruhnya.

Sebagai mantan ketua bank pusat Singapura, memegang jawatan sebagai Pengerusi MAS, Encik Tharman mempunyai reputasi yang baik dalam arena antarabangsa.

Beliau menjadi pengerusi bersama Suruhanjaya Global mengenai Ekonomi Air, menjadi anggota Lembaga Penasihat Peringkat Tinggi mengenai Multilateralisme Berkesatuan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan sebelum ini mempengerusikan Jawatankuasa Kewangan dan Kewangan Antarabangsa, iaitu forum utama Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Pandangan beliau tentang kewangan, teknologi dan politik antarabangsa, seperti ditunjukkan dalam wawancaranya dengan *The South China Morning Post* pada 21 Ogos, 2023, meletakkan beliau sebagai suara antarabangsa yang rasional.

Ringkasnya, Encik Tharman dianggap sebagai calon presiden yang benar-benar layak, malah sebelum PE bermula, berbanding pesaingnya.

Pendekatan yang diambilnya untuk berkempen, menggunakan lambang buah nanas, disenangi majoriti rakyat Cina yang melihatnya sebagai simbol membawa tuah.

Kehadiran Encik Tharman di acara-acara umum, penglibatan media sosial dan kempenya yang tidak kontroversi, memberi kesan strategi meningkatkan kredibiliti beliau berbanding "pemilihan" presiden sebelumnya.

Walaupun sentimen antipemerintah semakin meningkat di kalangan penduduk, Encik Tharman akui pengalaman beliau selama 22 tahun dalam pemerintahan membolehkan beliau berkempen dengan memanfaatkan usaha untuk berkhidmat kepada Singapura dan rakyatnya.

Beliau fokus kepada apa yang boleh dicapai oleh seorang Presiden Yang Dipilih, mendalami peranan memeriksa dan mengimbangi, terhadap pemerintah atau peranan kebebasan seorang presiden.

Pilihan raya ini menampilkan calon yang luas pengalaman, ahli politik dan peminat awam yang berkebolehan, bertanding dengan dua individu yang juga terkenal dengan kepakaran mereka dalam bidang tertentu.

Selepas bertahun-tahun, akhirnya Singapura mempunyai seorang Presiden Yang Dipilih yang berkelayakan tinggi.

Peranan Encik Tharman sebagai Ketua Negara yang memahami rakyat, ditambah pula dengan kepakaran kewangan dan pengalamannya sebagai Menteri Kabinet, menjadikannya ideal bagi menjaga rizab Singapura.

Pilihan raya presiden 2023 juga berfungsi sebagai referendum mengenai PAP kerana kedua-duanya – Encik Tharman dan Encik Ng – dikaitkan dengan parti itu, manakala Encik Tan mewakili suara *anti-establishment*.

Hasilnya sudah pasti akan mempunyai implikasi signifikan untuk pilihan raya umum akan datang, menandakan bahawa jenama PAP masih boleh diterima dalam kalangan pengundi Singapura.

Encik Tharman juga mencabar tanggapan bahawa rakyat Singapura mengundi secara ketat mengikut garis perkauman, kepercayaan yang disangkal oleh calon minoriti pada masa lalu.

Penegasan beliau bahawa Singapura bersedia untuk menerima seorang Perdana Menteri bukan Cina, memberi kesan politik yang penting, membuka peluang untuk perubahan dalam landskap politik Singapura.

Akhirnya, seorang individu yang paling berkelayakan, memegang jawatan Presiden Yang Dipilih, menandakan buat kali pertamanya seorang calon kaum minoriti memenangi pilihan raya presiden, suatu peristiwa penting dalam perkembangan politik di Singapura.

► Penulis ialah Timbalan Ketua Jabatan Sains Politik, Universiti Nasional Singapura (NUS).